

Headline	<b>Pendekatan berbeza, tujuan sama</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>11. Apr 2008</b>	Page No	<b>11</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>554 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



# Pendekatan berbeza, tujuan sama

## Kepemimpinan Terengganu lebih fokus agenda untuk kebaikan rakyat

Oleh Zulkofli Jamaludin

**M**ESKIPUN tiada kejutan besar berlaku dalam pengumuman barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Terengganu, beberapa perubahan yang dilakukan Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, dilihat membezakannya dengan pendekatan diambil kepemimpinan lalu di bawah Datuk Seri Idris Jusoh.

Misalnya, bagi memastikan semua Exco memberi tumpuan terhadap tugas yang diamanahkan, Menteri Besar Terengganu yang baru itu mengumumkan tidak akan melantik mereka sebagai pengurus anak syarikat kerajaan negeri, termasuk syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Sebaliknya, jawatan itu akan diisi oleh wakil rakyat dan mereka yang mempunyai pengalaman serta kepakaran bagi memastikan semua anak syarikat kerajaan negeri mampu menjana keuntungan.

Malah, beliau turut memansuhkan Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari negeri yang diwujudkan kepemimpinan terdahulu dan menggugurkan dua bekas Exco sebelum ini, Datuk Rosol Wahid dan Datuk Din Adam.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, Ahmad berkata: "Dalam politik setiap wakil rakyat perlu menerima kenyataan, qada dan qadar. Kita lihat ada bekas ketua menteri hanya dilantik sebagai setiausaha Parlimen apabila berpindah ke kerusi Parlimen. Begitu juga ada menteri besar yang menjawat jawatan itu beberapa penggal, dilantik sebagai timbalan menteri saja."

Begitu pun, Rosol dan Din berikrar untuk membantu barisan Exco baru dan Ahmad untuk meneruskan pembangunan negeri.

Rosol memahami hakikat itu apabila menyatakan manusia perlu menerima kenyataan bahawa ada ketika berada di atas dan ada kalanya di bawah.

"Sebagai bekas Exco, kita perlu membantu dan pengalaman diperoleh ketika memegang jawatan harus dikongsi bagi memastikan agenda pembangunan untuk kebaikan rakyat dan negeri ini seperti dirancang dapat diteruskan," katanya.

Bagaimanapun, seperti dijangka Idris menolak semua tawaran dibuat Ahmad kerana ingin memberi tumpuan kepada kawasan diwakilinya.

Namun, istiadat mengangkat sumpah barisan Exco Terengganu di hadapan Pemangku Raja, Tengku Muhammad Ismail, di Istana Maziah, kelmarin mengakhiri kemelut pelantikan Menteri Besar yang melanda Terengganu, sebulan lalu.

Terengganu, negeri pertama yang mengumumkan senarai calon Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-12, kini

Headline  
Date  
Media Title

Pendekatan berbeza, tujuan sama  
11. Apr 2008  
Berita Harian



Ahmad Said



Idris Jusoh



Rosol Wahid

menjadi negeri terakhir menyempurnakan majlis mengangkat sumpah dan pelantikan 10 Exco bagi mengisi portfolio mengikut kelayakan serta kepakaran masing-masing.

Senarai mengangkat sumpah menyaksikan dua Exco ketika kepemimpinan Idris, digugurkan dan tujuh muka baru, termasuk dua yang baru pertama kali terpilih sebagai wakil rakyat, dilantik menjawat jawatan penting pada peringkat negeri itu.

Ahmad yang mengangkat sumpah menggantikan Idris, 30 Mac lalu melantik semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Chukai, Datuk Mohamed Awang Tera, Datuk Abdul Rahim Said (Teluk Pasu) dan Toh Chin Yaw (Bandar).

Tujuh muka baru yang dilantik ialah Adun Telemong, Rozi Mamat, Khazan Che Mat (Batu Rakit), Yahaya Khatib Mohamad (Pangkalan Berangan), Ashaari Idris (Langkap), Zaabar Mohd Adip (Rantau Abang), Ahmad Razif Abdul Rahman (Seberang Takir) dan Dr Abdul Rahman Mokhtar (Kuala Besut).

Pelantikan itu menyaksikan gabungan muka lama dan baru yang dilihat mampu membantu Ahmad memacu pembangunan negeri dan memastikan agenda membasi kemiskinan serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tercapai.

Bagaimanapun, selepas pemansuhan Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari negeri yang diwujudkan kepemimpinan terdahulu, penduduk di daerah Besut tentunya tertanya-tanya apakah akan berlaku dengan 'Masjid Hadhari' di Jertih, iaitu yang pertama dibina di negeri berkenaan.

Apakah masjid yang masih dalam pembinaan itu tetap dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan menjadi model pembangunan syiar Islam di negeri terbatik.

Rakyat juga tertanya, apakah pemansu-

han jawatankuasa itu akan menyebabkan Masjid Hadhari yang dirancang dibina sebu di setiap daerah turut berakhair.

Agak mengejutkan juga apabila muka baru, iaitu Adun Seberang Takir, Ahmad Razif Abdul Rahman dilantik mengisi portfolio paling kanan - Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri.

Bagaimanapun, pelantikan itu dilihat sesuai dengan pengalaman Ahmad Razif, 43, yang memiliki Sarjana Sains Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pernah menjadi pensyarah dan kaunselor di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) yang kini dikenali Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Pengalaman dalam parti sebagai Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno dilihat dapat digunakan Ahmad Razif untuk menyuntik idea baru dalam bidang pendidikan, sains dan teknologi serta pembangunan sumber manusia.

Seorang lagi wakil rakyat baru diberi kepercayaan ialah Adun Kuala Besut, Dr Abdul Rahman Mokhtar yang dilantik mengetuai portfolio Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna negeri. Selain melantik dua wakil rakyat baru, Ahmad yang kini lebih selesa dan tenang menjawab soalan dilontarkan wakil media, turut melantik dua Ketua Pemuda Umno bahagian dalam barisan Exconya.

Adun Telemong bagi penggal kedua, Rozi Mamat, 36, yang juga Ketua Pemuda Umno Hulu Terengganu mengisi portfolio Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri adalah Exco termuda.

Ketika kepemimpinan Idris, Rozi, bekas guru yang aktif dalam persatuan belia adalah timbalan pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Wilayah negeri kepada Datuk Mohd Jidin Shafee yang berstanding di Parlimen Setiu pada pilihan raya

umum lalu.

Rozi yang bersyukur dengan pelantikan itu berharap dapat menggunakan pengalamannya sepenggal lalu untuk menjana pembangunan sektor pertanian yang turut membabitkan industri ternakan dan perikanan.

"Sektor pertanian sering dikaitkan dengan kemiskinan, namun adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan seramai mungkin usahawan tani berjaya yang mampu menembusi pasaran Malaysia dan eksport," katanya.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Setiu, Khazan Che Mat, 38, yang juga Adun Batu Rakit pula diamanahkan portfolio Agama dan Penerangan negeri yang sesuai dengan latar belakang pendidikan dan kerjaya sebelum bertanding pada Pilihan Raya Umum 2004.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Pemuda Umno negeri dilihat mampu menggalas tugas melaksanakan program bagi mengembangkan syiar Islam dan menjelaskan mengenai dasar dilaksanakan kerajaan negeri, khususnya dalam menjawab setiap dakah dibangkitkan pembangkang.

Tugas memegang portfolio penerangan dilihat amat penting kini kerana serangan pembangkang bukan saja dilakukan menerusi ceramah dan lidah rasmi parti, malah menggunakan kecanggihan ICT.

Ahmad sangat berharap barisan Exconya dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat khususnya untuk menjana kecermerlangan dalam bidang pendidikan.

Apa yang pasti dua menteri besar terdahulu - Idris dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang masing-masing memegang jawatan selama sepenggal tidak tinggal di kediaman rasmii Seri Iman, yang pernah didiami Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad selama 25 tahun.

Bagaimana pula menteri besar baru?